



08 JAN, 2020

## SPPA untuk pekerja Bangladesh akan diperbaharui: Kulasegaran

Berita Harian, Malaysia

---

PERKESO  
adakan sesi  
temu duga  
isi 3,056 peluang  
pekerjaan  
**Muka 8**




08 JAN, 2020

## SPPA untuk pekerja Bangladesh akan diperbaharui: Kulasegaran

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 3

## SPPA untuk pekerja Bangladesh akan diperbaharui: Kulasegaran



Kebanyakan pekerja Bangladesh menjadi mangsa eksploitasi dan berdepan pelbagai masalah selepas datang bekerja ke negara ini. [Foto Ghazali Kori/BH]

**Putrajaya:** Kementerian Sumber Manusia akan memperbaharui Sistem Permohonan Pekerja Asing (SPPA) untuk pekerja Bangladesh selepas kemasukannya digantung September lalu.

Menteri Sumber Manusia, M Kulasegaran, berkata kementeriannya akan mengadakan pertemuan dengan kerajaan Bangladesh bagi membincangkan memorandum Persefahaman (MoU) itu untuk dikaji semula.

Perkara yang akan dibincangkan termasuk pelaksanaan mekanisme yang telus membabitkan penyertaan kedua-dua kerajaan, serta agensi pengambilan dari kedua-dua negara.

"Kita berharap isu ini dapat diselesaikan segera kerana kebanyakan pekerja Bangladesh menjadi mangsa eksploitasi dan berdepan pelbagai masalah selepas datang bekerja ke negara ini," katanya selepas menghadiri perjumpaan Kementerian Sumber Manusia Bersama Pelanggan di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalannya,

Datuk Mahfuz Omar dan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, Datuk Amir Omar.

Pada 1 September 2019, kerajaan menggantung SPPA untuk pekerja Bangladesh, yang hanya membenarkan proses pengambilan oleh 10 agensi yang terpilih.

Sistem terdahulu menyaksikan setiap pekerja Bangladesh perlu membayar yuran sehingga RM20,000 bagi proses pembayaran kepada ejen bagi memudahkan kelulusan permit kerja dan urusan lain untuk berkerja di Malaysia.

Kulasegaran berkata, perbincangan dua hala mengenai syarat-syarat baharu MoU pengambilan pekerja asing Bangladesh itu bertujuan mengelak pembabitian pihak ketiga yang membuat keuntungan melampau ke atas pekerja.

MoU baharu itu juga, katanya dapat membantu pekerja Bangladesh mengeluarkan perbelanjaan tinggi dan memberi kesan buruk kepada negara dalam mendapatkan khidmat pekerja asing.



08 JAN, 2020

## SPPA untuk pekerja Bangladesh akan diperbaharui: Kulasegaran

Berita Harian, Malaysia

Page 3 of 3

### SUMMARIES

PERKESO adakan sesi temu duga isi 3,056 peluang pekerjaan Muka 8

Kebanyakan pekerja Bangladesh menjadi mangsa eksploitasi dan berdepan pelbagai masalah selepas datang bekerja ke negara ini. [Foto Ghazali Kori/BH]

Putrajaya: Kementerian Sumber Manusia akan memperbaharui Sistem Permohonan Pekerja Asing (SPPA) untuk pekerja Bangladesh selepas kemasukannya digantung September lalu. Menteri Sumber Manusia, M Kulasegaran, berkata kementeriaannya akan mengadakan pertemuan dengan kerajaan Bangladesh bagi membincangkan memorandum Persefahaman (MoU) itu untuk dikaji semula.